

15 JAN, 2026

Operasi lancar tiada bantahan, provokasi

Harian Metro, Malaysia



KERJA perobohan struktur binaan haram dan premis tanpa kebenaran dijalankan di Kampung Chubadak Tambahan, Sentul.

PEROBOHAN PREMIS DI LOKASI KAMPUNG CHUBADAK TAMBAHAN

Operasi lancar tiada bantahan, provokasi

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 206 pegawai dan anggota polis ditugaskan mengawal keselamatan awam sepanjang proses pelaksanaan dan perintah pengosongan 68 premis dan kediaman di Kampung Chubadak Tambahan, Sentul, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata, penugasan besar-besaran itu dilaksanakan bagi membantu pihak mahkamah melaksanakan perintah terhadap premis dan penempatan yang masih didiami di kawasan berkenaan.

"Hari ini (semalam), pi-

hak polis melaksanakan penugasan membantu pihak mahkamah dalam tindakan merobohkan premis di lokasi Kampung Chubadak Tambahan, Sentul.

"Polis Daerah Sentul menugaskan seramai 206 pegawai dan anggota untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terjaga dalam proses pelaksanaan perintah mahkamah ini," katanya kepada pemberita pada sidang media di Kampung Chubadak, di sini.

Katanya, penugasan itu dipecahkan kepada enam zon kawalan bagi memastikan operasi berjalan lancar tanpa gangguan atau provokasi selain setiap zon turut hadir pegawai mahkamah (bailiff).

"Setakat ini, tiada bantahan ataupun provokasi daripada mana-mana pi-

hak dalam tindakan kita memastikan keselamatan dan ketenteraman.

"Writ mahkamah bagi kawasan itu dikeluarkan pada 5 Disember 2025, manakala notis pengosongan dalam tempoh 14 hari dikeluarkan pada 26 Disember lalu," katanya.

Ahmad Sukarno berkata, operasi turut membabitkan 18 penghuni membabitkan 18 kediaman, dengan sebahagian penghuni di zon empat melantik peguam bagi tindakan lanjut.

"Setakat ini, ada penghuni yang melantik peguam di kawasan zon empat... 18 penghuni membabitkan 18 kediaman," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, operasi itu turut disokong beberapa agensi lain termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Angkatan Pertahanan Awam

(APM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Air Selangor.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, tindakan tegas terhadap binaan haram, premis tanpa kebenaran serta pencerobohan kawasan yang melanggar undang-undang akan dilaksanakan menerusi perintah penghakiman penyerahan milikan kosong di Kampung Chubadak Tambahan pada hari ini.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata, pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu adalah langkah penguatkuasaan undang-undang bagi mengekang aktiviti pembinaan dan pendudukan tidak sah yang dikenal pasti berlaku di kawasan berkenaan.